

Hanya

ketua

bahagian

BM - 4 NOV 1990

rasmi

sidang

**KUALA LUMPUR:** Setiap mesyuarat bahagian Umno, termasuk perwakilan pemuda dan wanitanya, akan dirasmikan oleh ketua bahagian masing-masing, bukan lagi oleh ahli Majlis Tertinggi atau pemimpin kanan parti.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata keputusan mesyuarat MT parti itu dibuat kerana Umno kesuntukan masa sebelum perhimpunan agung, 29 November ini dan bagi berlaku adil kepada semua pihak.

"Saya sendiri hanya akan merasmikan mesyuarat perwakilan Bahagian Kubang Pasu. Yang dikecualikan ialah bahagian Umno di Wilayah Persekutuan. Tujuh bahagian di Wilayah akan dirasmikan serentak oleh Encik Ghafar Baba selaku Ketua Perhubungan.

"Bagi negeri-negeri lain, ketua perhubungan tidak perlu merasmikan mesyuarat perwakilan bahagian kecuali jika beliau menjadi ketua bahagian berkenaan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, MT menetapkan tarikh akhir mesyuarat bahagian Umno, termasuk pemuda dan wanitanya ialah pada 18 November supaya penyata mesyuarat tiba ke ibu pejabat tepat pada waktunya.

Menurutnya, Umno tidak mempunyai banyak masa dan kerana itu, MT mahu supaya ketua bahagian masing-masing merasmikan mesyuarat perwakilan mereka dan bukan oleh orang lain.

"Jemputan kepada pihak lain, termasuk pemerhati juga tidak akan dibuat. Ahli-ahli MT tidak akan merasmikan mana-mana mesyuarat bahagian kecuali bahagian mereka sendiri.

"Kita tidak ada masa. Jadi, untuk adil kepada semua pihak, kita berpendapat eloklah mesyuarat bahagian dirasmikan oleh ketua bahagian itu sendiri," katanya.

Ditanya sama ada keputusan itu juga bertujuan mahu mengurangkan kempen di kalangan calon yang bertanding merebut jawatan dalam pemilihan nanti, beliau berkata: "Ia mungkin akan mengurangkan kempen tetapi sebab sebenar ialah kita mahu adil kepada semua pihak."